

Untuk Bukan Islam Sahaja

# Apakah Agama Ini?

## What is this religion?

**Bhante Dr. K. Sri Dhammananda**

Penterjemah : C. T. Teo  
K. Don Premaseri

## Publication of the



### **Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society** 佛陀教义弘扬协会

Buddhist Maha Vihara,  
123, Jalan Berhala, Brickfields,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570  
E-Mail: [info@buddhistmahavihara.com](mailto:info@buddhistmahavihara.com)  
Website: [www.buddhistmahavihara.com](http://www.buddhistmahavihara.com)  
[www.ksridhammananda.com](http://www.ksridhammananda.com)

Published for Free Distribution  
Permission to reprint for free distribution can be  
obtained upon request.

1<sup>st</sup> Print – May 2003 (3,000 copies)  
2<sup>nd</sup> Print - Dec 2009 (2,500 copies)

The Society gratefully acknowledges the effort of  
Mr. C.T. Teo and Mr. K Don Premaseri for this  
Bahasa Malaysia translation.

**Printed by Uniprints Marketing Sdn. Bhd.** (493024-K)  
(A member of Multimedia Printing & Graphics (M) Sdn Bhd)

ISBN: 983-2515-13-0

## KATA PENGHANTAR

Persatuan Sasana Abhiwurdhi Wardhana (SAWS) yang berpusat di Buddhist Maha Vihara, Brickfields, Kuala Lumpur berasa bangga dengan penerbitan buku di dalam Bahasa Malaysia ini. Buku asal berbahasa Inggeris yang bertajuk "What is this religion ?" ini ditulis oleh Ketua Sangha Nayaka bagi Malaysia dan Singapura, Bhante Dr. K. Sri Dhammananda dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia oleh C. T. Teo dan K. Don Premaseri.

Buku-buku seperti ini sangat diperlukan dikalangan umat Buddhis yang fasih di dalam Bahasa Malaysia. Sesungguhnya, situasi ini membuktikan keberkesanan Dasar Bahasa Kebangsaan kerajaan kita yang menyebabkan penggunaan Bahasa Kebangsaan kita secara lebih menyeluruh. Bahkan, sebilangan daripada umat Buddhis gagal untuk mempelajari agama mereka sendiri kerana kekurangan buku-buku agama di dalam Bahasa Malaysia. Kebanyakan buku-buku agama kami diterbitkan di dalam Bahasa Inggeris dan Mandarin.

Justeru itu, buku ini diterbitkan untuk membantu umat Buddhis mempelajari agama mereka sendiri dan bukan bertujuan menukar agama pengikut agama lain. Banyak permintaan yang telah kita terima untuk bahan bacaan di dalam Bahasa Malaysia, khasnya dari Negeri Kelantan, Kedah, Melaka dan Johor. Malangnya, kami tidak dapat memenuhi permintaan mereka. Di harapkan penerbitan buku ini sedikit sebanyak dapat memenuhi keperluan mereka.

Pihak persatuan SAWS juga menerbitkan buku ini sempena menyambut ulang tahun ke-empat Persatuan Dharma of the Deaf, sebuah persatuan yang berpusat di Vihara kami yang dianggotai oleh masyarakat Buddhis yang pekak. Mereka mengadakan kelas Dhamma di Vihara pada setiap hari Ahad selang dua minggu sekali.

Persatuan ini juga mengadakan aktiviti kebajikan dua kali setahun sempena perayaan Tahun Baru Cina dan perayaan Deepavali. Aktiviti kebajikan mereka cukup memberangsangkan kerana walaupun mereka merupakan golongan cacat yang seharusnya menerima bantuan, sebaliknya mereka pula yang menghulurkan bantuan kepada golongan masyarakat lain yang kurang bernasib baik. Apatah pula kita yang dilahirkan dengan anggota sempurna yang kurang melakukan aktiviti kebajikan!

Pihak persatuan SAWS telah merancang untuk menerbitkan lebih banyak buku lagi untuk edaran percuma di dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin serta Tamil untuk kegunaan umat Buddhis kita. Diharapkan sesiapa yang berminat untuk membantu usaha kami untuk mengajar Dhamma akan menghulurkan bantuan.

Mettacittena.

Jawatankuasa Persatuan Sasana Abhiwurdhi Wardhana  
Wesak 2003

# Apakah Agama Ini?

## Pesanan Untuk Manusia Sejagat

Setiap individu mesti mempunyai agama. Agama yang dipilih seharusnya mampu memuaskan keperluan intelektualnya. Prinsip agamanya tidak harus mengancam masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa ahli sains dan psikologi telah memperluaskan pengetahuan kita tetapi mereka tidak berupaya memberitahu kita tujuan hidup manusia.

Hanya suatu agama yang benar dapat menunjukkan matlamat hidup manusia. Manusia patut memilih agama yang bermakna dan rasional menurut keyakinannya tanpa bergantung kepada kepercayaan tradisi, kebudayaan dan teori-teori sahaja. Tidak ada sesiapa pun yang berhak memaksa seorang lain untuk menerima sebarang agama.

Kemiskinan, buta huruf atau perasaan emosi manusia tidak harus dieksploitasi untuk mempengaruhi seseorang untuk memeluk sesuatu agama. Pemilihan agama untuk diri

sendiri seharusnya satu hak yang bebas. Manusia patut bebas untuk memilih agamanya berdasarkan kecenderungan dan kemampuan inteleknya.

Menganuti suatu agama tanpa kefahaman akan menjadikan agama itu hilang nilai rohaninya. Penganut pula hilang kemuliaannya sebagai seorang individu yang mampu berfikir dan menilai baik daripada buruk.

Manusia berakal dan seharusnya dapat membezakan antara yang betul dan salah. Kita mesti dapat menyesuaikan diri kita kepada keadaan yang berlainan. Kita patut memilih agama yang sesuai dengan diri kita dan dapat memenuhi keperluan kecerdasan kita dengan bimbingan yang betul. Seseorang harus diberi peluang untuk memilih agamanya secara bebas tanpa sebarang paksaan.

### **Jalan Tengah**

Agama yang akan diperkenalkan di dalam buku ini ialah satu sistem pendidikan secara praktikal bagi perkembangan minda. Agama ini diperkenalkan lebih kurang dua puluh lima abad yang lalu kepada dunia oleh seorang Guru

yang Maha Mengetahui dan Maha Bebas Kasihan. Agama ini dikenali sebagai “Jalan Tengah”, cara hidup yang adil, sistem falsafah, rukun hidup serta agama yang bebas dan rasional. Ajarannya tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu;

*Menghindari perbuatan jahat  
Berbuat baik kepada – pada,  
Menyucikan minda melalui meditasi.*

Pesanan ini sangat mudah, bermakna dan praktikal tetapi manusia mengalami kesulitan bila mereka cuba mengamalnya kerana kelemahan semulajadi manusia sendiri. Kelakuan yang bermoral memainkan peranan yang penting di dalam agama ini. Guru ini menyatakan :

*“Ajaran saya bukan untuk anda memeluk dan percaya membuta tuli tanpa usul periksa tetapi untuk diikuti, diteliti serta diamalkan.”*

Bhagava menggalakkan anda untuk mengkaji ajarannya dengan sepenuhnya dan membenarkan anda menggunakan budibicara sendiri sama ada boleh menerima ajaran ini atau tidak. Tidak ada sesiapa pun diminta untuk

memeluk agama ini tanpa soal siasat dan kefahaman tentang ajarannya.

Upacara tahyul yang tidak bermakna tidak mempunyai nilai agama atau kepentingan agama. Tidak ada kepercayaan dan amalan tahyul atau ajaran-ajaran sulit di dalam agama ini. Keseluruhan ajarannya terbuka kepada pilihan penganut yang bebas mengkaji ajarannya dan menyoal apa jua yang menjadi keraguan.

Menurut pengasas agama ini, seseorang tidak patut mempercayai sesuatu ajaran kerana seorang yang bijaksana telah memperkenalnya atau kerana perkara itu telah diterima secara tradisi oleh orang ramai. Akan tetapi, seseorang harus menggunakan minda dan kecerdasannya untuk menilai sama ada ajaran ini bermanfaat untuk diamalkan.

Agama ini mengajar Jalan Mulia Lapan Lapis yang terdiri daripada:

*Pemahaman Sempurna*

*Pemikiran Sempurna*

*Pertuturan Sempurna*

*Tindak-tanduk Sempurna*



*Penyaraan diri yang Sempurna*  
*Usaha Sempurna*  
*Kesedaran Sempurna*  
*Tumpuan Minda Sempurna*

Jalan tengah ini bukan satu adat istiadat keagamaan atau jalan metafizik. Jalan ini tidak berdogma, tidak menyiksa diri atau terlalu mengikut kehendak diri, bukan berabdi membuta tuli atau memusnahkan diri, bukan pesimis atau optimis, tetapi merupakan jalan ke arah Pencerahan Agung, cara untuk melepaskan diri daripada kesengsaraan.

Agama ini tidak percaya bahawa manusia menderita kerana dosa nenek moyangnya. Sebaliknya setiap individu menyemai pahala atau karma buruknya sendiri. Setiap individu bertanggungjawab terhadap kebahagiaannya sendiri, bukan tuhan, dewa atau tuah yang menentukannya.

Seseorang yang mengamalkan jalan tengah ini atau sikap sederhana ini pasti dapat memperolehi keamanan dan kebahagiaan yang sebenar disamping menjalani hidup yang dihormati tanpa menjadi hamba kepada nafsu inderanya. Justeru itu, individu tersebut dapat

menyumbangkan ke arah keamanan dan keharmonian dunia.

### **Terima Balasan Untuk Tindakan Sendiri**

Disamping memenuhi aspirasi manusia yang paling tinggi, agama ini juga dapat membantu kehidupan sehariannya, membantunya dalam interaksi dengan orang lain serta memberi nafas baru di dalam tujuan hidupnya. Agama ini tidak menanam perasaan takut di dalam manusia. Kebaikan akan menghasilkan kebaikan dan perbuatan jahat akan menghasilkan balasan yang buruk.

*“Setiap tindakan akan menghasilkan tindakbalasnya sendiri. Perkara ini merupakan hukum sejagat”.*

Agama ini selaras dengan hukum-hukum ini. Manusia akan menerima balasan untuk tindakannya sendiri.

Perbuatan buruk dilakukan oleh seseorang kerana ketamakan, hasad dengki dan kejahilannya. Kelemahan-kelemahan ini hanya boleh diatasi melalui keinsafan diri sendiri. Kebahagiaan dan penderitaan yang dialami

oleh manusia bukan disebabkan oleh pengaruh luar. Sebaliknya disebabkan oleh tindak-tanduk, pemikiran dan pertuturan mereka yang baik atau buruk. Agama ini menyatakan:

*“Kita merupakan hasil daripada tindak-tanduk kita yang lepas dan keadaan kita di masa akan datang pula bergantung kepada tindak-tanduk kita sekarang”.*

Menurut ajaran ini, hukum sebab dan akibat memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan kita. Di dalam kitar sebab dan akibat, sebab pertama tidak wujud kerana sebab akan menjadi akibat dan akibat pula akan menjadi sebab. Justeru itu, persoalan penciptaan dunia dan manusia buat pertama kalinya tidak timbul sama sekali kerana perkara ini merupakan satu proses yang sentiasa berlaku di dalam kitar membentuk dan termusnah.

### **Seorang Guru Yang Mulia**

Pengasas agama yang tidak ada taranya ini bukan suatu cerita dogeng. Kehidupannya terbukti melalui sejarah dunia. Beliau seorang GURU MULIA yang pernah hidup di dalam

dunia ini 2,500 tahun yang lalu. Guru ini tidak pernah cuba memperkenalkan dirinya sebagai seorang yang ajaib atau pesuruh tuhan tetapi sebaliknya hanya mengakui sebagai seorang yang telah menyedari kebenaran, rahsia kehidupan dan punca sebenar kebahagiaan dan penderitaan.

Guru ini bukan sahaja disanjung tinggi oleh beratus juta penganut-penganutnya tetapi oleh setiap individu yang beradab dan berintelekt di seluruh dunia. Guru mulia, Pembebas manusia, Pembaharu Sosial serta Pemberi Ilham untuk kehidupan yang murni ini telah meninggal dunia pada usia lapan puluh tahun.

Bhagava telah meninggalkan satu pesaka yang tidak ternilai di dalam bentuk satu kod etika bagi manusia untuk menghapuskan penderitaan, ketegangan, ketakutan dan kebimbangan. Akibatnya manusia boleh mencapai kebahagiaan di dalam kehidupan ini dan juga kehidupan selepas ini yang menghalak kepada pembebasan mutlak segala penderitaan manusia.

Guru Mulia ini menenangkan orang yang bersedih dengan ajaranya yang melipur. Dia

membantu mereka yang miskin yang telah diabaikan. Dia memurnikan kehidupan mereka yang tersesat dan menyucikan kehidupan hina seseorang penjenayah. Dia menggalakkan mereka yang lemah semangat, menyatu - padukan mereka yang berpecah-belah, menyedarkan mereka yang jahil, menyingkir kekeliruan di kalangan mereka yang percaya pada ilmu batin, membetulkan hidup mereka yang hina serta meningkatkan kemuliaan mereka yang mulia.

Mereka yang kaya serta yang miskin, orang yang suci dan penjenayah kesemuanya sayangkan beliau kerana belas kasihannya yang tidak terhingga. Raja - raja yang zalim mahupun adil, Putera-putera dan golongan bangsawan yang terkenal, jutawan yang murah hati dan yang lokek, orang terpelajar yang sombong dan juga yang tidak sombong, orang - orang yang miskin, buruh yang membersihkan jalan, pembunuh yang jahat, pelacur yang dipandang hina - kesemua mereka memperolehi faedah daripada ajarannya yang arib yang menjadi pedoman kepada mereka untuk berubah dengan menjalani kehidupan yang aman dan mulia.

Teladannya yang mulia menjadi sumber inspirasi bagi semua orang. Wajahnya yang tenang dan aman merupakan pemandangan yang meredakan kepada mereka yang beribadat. Pesannya untuk keamanan dan toleransi disambut baik oleh semua pihak dengan perasaan keriang yang tidak terhingga serta membawa faedah yang bekekalan kepada mereka yang berpeluang untuk mendengar dan mempraktiknya.

Hatinya yang cekal, kearifannya yang mendalam, kasih sayangnya yang tersebar luas kepada seluruh dunia, belas kasihannya yang tidak ada batasan, perkhidmatannya yang tidak mementingkan diri sendiri, peninggalan keluarganya yang bersejarah demi manusia sejagat, kesuciannya yang sempurna, keperibadiannya yang dinamis, kaedah memperkenalkan ajarannya yang wajar diteladani dan kejayaannya yang muktamad, iaitu Pencerahan Kebuddhaan - kesemua faktor ini menjadi sumber inspirasi kepada lebih kurang satu perlima daripada penduduk dunia sekarang yang menerima guru ini dan menghormatinya sebagai guru agama mereka yang agung.

Guru Mulia ini mengorbankan kesenangan duniawi demi melenyapkan penderitaan manusia bagi mencari kebenaran supaya dapat menunjukkan jalan keluar daripada penderitaan. Beliau selalu melawat orang-orang yang miskin. Sebaliknya, raja-raja, golongan bangsawan dan kenamaan serta menteri-menteri pula berpusu - pusu mengunjunginya. Selama empat puluh lima tahun selepas pencerahan sempurnanya, Bhagava telah mendedikasikan hidupnya untuk menerangkan kebenaran kepada individu yang sesat.

Guru mulia ini tidak takut kepada sesiapa pun. Bhagava juga tidak menanamkan perasaan takut di dalam sesiapa. Prinsip ini patut diamalkan di dalam dunia kita yang sekarang ini bergolak dengan peperangan di mana nyawa manusia yang begitu berharga terkorban kerana rebutan kuasa dan perlumbaan senjata yang telah menghasilkan ketakutan, ketegangan dan kebencian.

Bhagava merupakan ahli saintis yang cekap di dalam bidang kehidupan. Beliau adalah pakar psikologi yang sempurna yang dapat menganalisa sifat sebenar minda sehingga

ajarannya diiktiraf sebagai satu-satunya agama yang saintifik.

Bagi ahli falsafah yang terkenal dan cendekiawan yang berkecuali, Bhagava merupakan seorang guru yang telah memahami keadaan dunia di dalam perspektif yang sebenar. Bagi sesiapa yang selalu mementingkan moral, Bhagava mempunyai kod disiplin yang tertinggi dan merupakan simbol kesempurnaan mutlak. Bhagava merupakan teladan sempurna bagi segala kebaikan yang diajarnya. Bagi seseorang cendekiawan, Bhagava merupakan guru agama yang paling liberal yang memahami masalah-masalah manusia yang menyakitkan hati. Bagi golongan pemikir bebas yang menganggap diri mereka tidak beragama (free-thinkers), Bhagava merupakan seorang guru agama yang mendorong manusia supaya berfikir secara bebas tanpa bergantung kepada kepercayaan karut sebarang agama. Bagi mereka yang lain, Bhagava seorang yang sangat arif, beramah-tamah dan mampu memahami orang lain.

Tidak dapat diragukan bahawa Bhagava merupakan guru agama yang paling cekap yang dapat menggunakan pemujukan dan



kerasionalan untuk menerima ajarannya. Dia tidak pernah menggunakan paksaan atau menakut-nakutkan orang untuk mendapat pengikut. Dia telah memperkenalkan satu cara hidup yang berpegang pada agama supaya seseorang individu menjalani hidup yang beragama tanpa perlu memeluk sebarang agama.

Bhagava ialah pengasuh yang penuh dengan sikap kemanusiaan, tidak sombong, tidak dipengaruhi oleh pujian mahupun celaan. Dia meninggal dunia pada usia yang tua. Beginilah hidup seorang yang mulia yang tidak terbunuh pada usia yang muda di tangan musuh atau sesiapa yang dengki padanya. Dia pun tidak mati kerana dijangkiti penyakit yang serius. Sebaliknya Beliau mati di dalam keadaan yang tenang di hadapan pengikutnya. Malahan Buddha sendiri telah menyatakan kepada pengikutnya yang Beliau akan mangkat dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh pengumumannya.

### **Keamanan, Kebahagiaan Dan Kebebasan**

Guru Mulia ini telah menunjukkan jalan ke arah keamanan, kebahagiaan dan kebebasan.

Ajarannya yang liberal, rasional, saintifik serta mudah difahami membawa kita ke arah Pencerahan Agung.

Di masa kini, pesanan untuk keamanan yang ditinggalkan oleh Guru Mulia ini lebih penting lagi daripada dahulu kerana manusia dewasa ini diselubungi perasaan marah, tamak, hasad dengki, sombong dan berniat meluaskan jajahan takluknya melalui penaklukan tentera dan ekonomi.

Guru ini lahir di dalam dunia untuk menghapuskan kegelapan akibat kejahilan dan menyelamatkan dunia daripada keburukan. Diseluruh dunia, ramai manusia yang hidup tanpa mempercayai atau mengamalkan sebarang agama kerana menganggap agama merupakan punca utama masalah di dunia seperti kemiskinan, kebuluran, peperangan dan sebagainya. Akan tetapi jika mereka berusaha untuk mempelajari dan memahami apa yang diajar oleh Guru Mulia ini, mereka akan dapat menghilangkan keraguan mereka dengan mudah serta mendapat keyakinan diri tentang agama yang paling baik yang dapat menyumbangkan ke arah kebahagiaan manusia.

Sama ada kita mempercayainya atau tidak, ajarannya tetap akan mempengaruhi seluruh pelusuk dunia. Pesanannya disebarkan kepada seluruh dunia tanpa sebarang kekerasan serta tanpa menumpahkan setitik darah pun. Perkara ini merupakan satu rekod yang istimewa di dalam sejarah dunia yang wajar dibanggakan. Ajaran ini menyinari jalan dimana manusia dapat menyeberangi daripada dunia yang tidak memuaskan kepada satu dunia baru yang penuh dengan cahaya kasih sayang, keamanan, kebahagiaan serta kepuasan hati.

Ajaran guru mulia ini yang berusia dua puluh lima abad masih kukuh lagi dan sanggup menerima sebarang cabaran di zaman yang serba moden ini. Kita tidak perlu memberi interpretasi baru kepada ajaran asalnya kerana khuatir ajarannya bercanggah dengan penemuan sains yang baru.

Ajaran ini tidak bercanggah dengan pencapaian dan penemuan ahli-ahli saintis moden. Sebaliknya, penemuan sains selaras dengan apa yang diajar oleh Guru Mulia ini.

Walaupun kebaikan hati perlu untuk mencapai

kebebasan tetapi sifat itu sahaja tidak mencukupi. Sifat baik hati mesti digabungkan dengan kearifan. Kebaikan hati dan kearifan boleh dibandingkan dengan mata dan kaki seseorang individu. Kebaikan hati boleh diibaratkan sebagai kenderaan yang membawa manusia ke pintu kebebasan, tetapi kunci sebenar yang boleh membuka pintu kebebasan ialah kearifan.

### **Kebahagiaan Syurga**

Penganut agama ini tidak menganggap diri mereka sebagai golongan terpilih dan hanya mereka sahaja yang akan berpeluang mencapai kebahagiaan syurga. Mereka percaya manusia sendiri yang mencipta syurga atau neraka bergantung kepada cara hidupnya sendiri.

Mereka juga percaya bahawa penderitaan di dalam neraka dan pencapaian kebahagiaan syurga boleh dialami di dalam kehidupan duniawi juga. Bukan seperti kepercayaan umum bahawa keadaan-keadaan itu hanya wujud selepas kematian. Selaras dengan ajaran ini, sesiapa pun boleh mengalami kebahagiaan syurga sekiranya individu tersebut

mengamalkan cara hidup yang berpatutan.

Syurga tidak dikhususkan untuk satu satu mazhab agama tertentu sahaja. Syurga terbuka kepada sesiapa yang mengamalkan cara hidup yang mulia tanpa membezakan kasta, agama dan keturunan mereka.

### **Toleransi Dan Kefahaman**

Toleransi, kesabaran dan pemahaman sempurna merupakan nilai-nilai murni yang dipegang teguh oleh penganut agama ini. Kasih sayang suci yang di ajar di dalam agama ini berdasarkan sifat ramah-tamah, belas kasihan dan simpati yang tidak terhad kepada manusia sahaja bahkan kepada semua jenis bentuk kehidupan. Penghapusan nyawa sama ada manusia ataupun binatang dianggap kejam, tidak adil serta melanggar ajaran agama ini.

Agama ini juga menasihatkan manusia supaya menghormati pandangan serta kepercayaan orang lain supaya dapat mewujudkan satu cara hidup yang berharmoni.

## **Satu Cara Hidup**

Agama ini jelas dan logik serta memberikan jawapan lengkap kepada semua aspek dan persoalan penting berkenaan kehidupan kita. Agama ini menyediakan asas yang kukuh bagi membantu manusia menuju ke arah satu cara hidup yang positif dan lebih baik. Agama ini tidak membahagikan manusia kepada dua kumpulan iaitu mereka dibawah perlindungan Tuhan dan mereka yang sesat. Sebaliknya, sebagai satu agama yang bertamadun, logikal dan penuh kefahaman, agama ini mengajar kita bagaimana mejinakkan mereka yang liar dan menghaluskan mereka yang jinak.

Penganut agama ini tidak berdoa meminta bantuan dewa mahupun tuhan. Mereka menitikberatkan usaha sendiri dan keberkesanan meditasi yang menuju ke arah penaklukan sendiri, pengawalan sendiri, penyucian sendiri serta Pencerahan Agung. Meditasi berfungsi sebagai ubat mujarab untuk kedua-dua hati dan minda.

## **Manusia Boleh Membentuk Kehidupannya**

Agama ini menegaskan bahawa minda

sungguh berkuasa. Minda ialah pencipta, pemusnah serta penentu nasib manusia. Justeru itu, manusia berkebolehan membentuk apa jua asalkan dia tahu bagaimana memperkembangkan dan menggunakan mindanya dengan sewajarnya.

Sebenarnya agama ini merupakan cahaya penyinar untuk memimbing manusia ke arah keamanan dan kebahagiaan yang abadi. Dunia sekarang ini penuh dengan perselisihan faham berdasarkan isu perkauman, politik, agama dan ideologi. Untuk menyelesaikan masalah-masalah kompleks ini, manusia mesti mengamalkan prinsip toleransi dan persefahaman sesama satu sama lain.

Kesemua ini dapat dipupuk melalui bimbingan agama ini yang memupuk kerjasama berasaskan moral untuk kebaikan umum. Manusia mesti insaf bahawa perkembangan rohani lebih penting bagi kebahagiaan mereka. Kebajikan manusia sejagat atau masyarakat setempat lebih penting daripada mengejar perkembangan materialisme. Manusia mesti mengamalkan kebenaran, keadilan, kemurahan hati, kasih saying suci serta berkhidmat untuk kepentingan bersama untuk menjadikan dunia

ini satu tempat yang lebih sempurna.

## **Kebenaran**

Melalui Pencerahan agungnya, guru agama ini telah menegaskan bahawa:-

- a) Kebaikan yang tertinggi ialah kebaikan yang diperolehi melalui memupuk kasih sayang suci kepada manusia sejagat.
- b) Kebahagiaan yang utama ialah kebahagiaan yang timbul hasil daripada ketenangan mental.
- c) Kebenaran mutlak ialah kebenaran yang diperolehi melalui pemahaman punca-punca penderitaan manusia.
- d) Agama yang terbaik ialah agama yang mengajar perkembangan intelek, moral dan penyucian mental.
- e) Falsafah yang tertinggi ialah falsafah yang boleh memperkenalkan satu cara hidup yang pratikal yang boleh diikuti tanpa bergantung semata-mata kepada teori-teori dan kepercayaan sahaja.



## **Agama Bebas**

Agama ini tidak menghalang pengikutnya membaca dan mempelajari ajaran agama lain. Perkara ini disebabkan tidak terdapat fanatik atau aliran melampau di dalam agama ini. Seseorang fanatik tidak membenarkan dirinya dibimbing oleh kerasionalan atau prinsip penganalisaan secara saintifik.

Penganut agama ini bebas dan mempunyai fikiran terbuka serta tidak perlu tunduk kepada sesiapa untuk perkembangan rohaninya.

Jika anda berusaha mempelajari dengan lebih lanjut berkaitan disiplin agama ini atau kod etika, moral dan latihan mentalnya, anda akan dapati bahawa salah faham anda di masa lalu tentang agama ini perlu ditolak. Seseorang tidak patut menilai sesuatu agama hanya berpandukan amalan-amalan tertentu yang dilakukan oleh beberapa penganut yang sesat jalan; sebaliknya kita mesti sentiasa cuba memahami ajaran-ajaran asas agama ini.

## **Menghargai Kecerdasan Manusia**

Agama ini tidak meletakkan nasib manusia di

tangan satu kuasa ghaib yang tidak diketahui serta menjadikan manusia tunduk kepada kuasa agung seperti itu. Sebaliknya agama ini telah meningkatkan kedudukan manusia serta menggalakkan kecerdasannya dan mengajarnya bagaimana memupuk potensi manusia yang terbenam.

Agama ini mengajar kita bagaimana memberi perkhidmatan yang tidak mementingkan diri sendiri kepada orang lain. Penganut agama ini menjauhkan diri daripada kejahatan bukan kerana takutkan balasan kuasa ghaib yang tidak kelihatan tetapi kerana mereka sedar bahawa kejahatan akan membawa penderitaan kepada makhluk hidup yang lain.

Motif mereka berbuat baik bagi membantu orang lain bukan bertujuan mengambil hati kuasa gahib untuk mendapatkan ganjaran dan pahala tetapi kerana perasaan belas kasihan terhadap orang lain serta ingin membebaskan diri mereka daripada penderitaan.

Di dalam agama ini, anda akan jumpa jalan ke arah kebaikan dan kearifan yang sempurna tanpa bantuan daripada sebarang kuasa luar. Anda akan dapat mencapai kearifan tertinggi

melalui keinsafan diri sendiri. Anda akan dapat menyelamatkan diri tanpa bantuan kuasa ghaib atau pesuruhnya. Anda boleh mencapai kebebasan di dalam hayat ini juga dengan menggunakan kebolehan anda dengan bijaksananya tanpa perlu tunggu untuk akhirat.

### **Adakah Kesemua Ini Mungkin?**

Tanpa kesenorokan duniawi adakah hidup bermakna? Tanpa kepercayaan pada dunia yang berkekalan selepas mati, bolehkah manusia menjalani hidup yang bermoral?

Tanpa bantuan kuasa luar yang ghaib, bolehkah manusia maju ke arah keadilan dan kesaksamaan?

Tanpa upacara, ritual dan adat istiadat keagamaan, bolehkah manusia mengamalkan kehidupan beragama?

Tanpa kepercayaan dan keyakinan yang berlandaskan emosi, bolehkah manusia mengamalkan agama?

Tanpa penderitaan melalui penebusan dosa di dalam amalan agama tertentu, bolehkah

manusia mencapai kebebasannya?

Tanpa menimbulkan ketakutan di dalam minda manusia, bolehkah manusia mengikuti prinsip-prinsip agama tertentu?

Tanpa menggunakan paksaan dan menakutkan orang lain, bolehkah kita memperkenalkan suatu agama yang benar?

Tanpa kepercayaan karut dan dogmatik di dalam agama, bolehkah orang ramai diyakinkan untuk mengamalkan kehidupan beragama?

Bolehkah manusia menghargai dan mengikuti satu agama yang tidak mengajar tentang kuasa ghaib dan pesuruh Tuhan?

“Ya” kata pengasas agama ini. Kesemua ini boleh dicapai dengan berkhidmat kepada diri sendiri dan juga orang lain dengan sikap yang penuh dedikasi dan belas kasihan, kesucian, disiplin diri serta pengembangan minda.

### **Akibat Dan Kesan**

Keinsafan tentang hukum karma yang

dijelaskan oleh agama ini dapat menerangkan masalah penderitaan manusia, rahsia disebalik nasib dan takdir serta punca utama ketidaksamaan sesama manusia. Kefahaman tentang hukum Karma memberi manusia harapan, semangat berdikari serta keberanian moral.

### **Agama Yang Moden**

Agama ini bukan satu teori atau agama untuk dipercayai membuta tuli, tetapi merupakan satu cara hidup yang pratikal dan murni. Agama ini salah satu agama yang tertua di dalam sejarah manusia yang telah mencorak kebudayaan Asia dan mendatangkan kebaikan kepada manusia sejagat. Di dalam segala aspek, agama ini yang termoden sekali jika dibandingkan dengan pencapaian sains dan teknologi. Agama ini menasihatkan seseorang supaya tidak menjadi hamba kepada sebarang kuasa luar tetapi untuk memupuk keupayaan sendiri yang terpendam dengan menggunakan usaha dan kecerdasan sendiri untuk mengatasi masalah.

Agama ini mempunyai segala ciri yang diperlukan oleh satu agama yang rasional yang

boleh disesuaikan dengan dunia, zaman moden dan di masa hadapan. Akan menjadi kebanggaan kepada sesiapa pun untuk mengkaji dan menyedari nilai agama ini di dalam dunia moden. Agama telah diiktiraf lebih saintifik daripada sains, lebih maju daripada segala unsur maju di dalam bidang rohani dan merupakan salah satu cara yang paling berkesan untuk digunakan bagi memelihara kedamaian, harmoni dan persefahaman di seluruh dunia.

### **Tanpa Diskriminasi**

Agama ini yang pertama kali di dalam sejarah dunia menentang sistem kasta yang menghinakan. Agama ini mengajar kesaksamaan sesama manusia serta memberikan peluang yang sama untuk semua individu bagi mencapai kecermerlangan di dalam segala aspek kehidupan. Agama ini yang memberikan kebebasan yang sebenar kepada wanita untuk mengkaji dan mengamalkan agamanya dengan memberikan kesaksamaan sosial buat pertama kalinya di dalam sejarah dunia.

Guru Mulia ini menegaskan bahawa pintu ke

arah kejayaan dan kemakmuran terbuka kepada semua orang tidak kira yang berstatus tinggi ataupun rendah, orang yang suci ataupun penjenayah, selagi mereka rela mencari dan berhasrat mencapai kesempurnaan. Bhagava tidak memaksa penganutnya menjadi hamba sama ada kepadanya atau ajarannya. Sebaliknya Bhagava telah mengurniakan kepada mereka kebebasan untuk berfikir bagi diri mereka sendiri dan menjalankan penyelidikan dan penyiasatan sepenuhnya bagi memperolehi keyakinan sendiri.

### **Tidak Berkekalan**

Agama ini mengelaskan struktur manusia kepada minda dan jasad yang sentiasa berubah, tidak kekal sama bagi dua detik berturut-turut. Oleh itu kedua-duanya wujud dan binasa satu lepas satu dan kitar ini diulangi. Justeru itu, tidak ada sesuatu pun yang akan berkekalan sama ada di dalam dunia ini atau di dalam sebarang sistem dunia lain di seluruh cakerawala ini. Perkara ini disebabkan apa yang wujud di dalam sebarang bahagian cakerawala ini tidak mengandungi apa-apa tetapi hanya merupakan kombinasi unsur-unsur dan tenaga. Sudah mejadi sifat semulajadi

manusia dan segala benda untuk musnah dan hilang di suatu hari kelak.

### **Sifat Dasar Prinsip-prinsip Agama**

Prinsip-prinsip yang diamalkan oleh agama ini bukan firman tuhan. Dengan mengamalkan peraturan-peraturan seperti menjauhkan diri daripada membunuh, mencuri, bermukah berbohong dan meminum minuman yang memabukkan, seseorang dapat menyucikan diri sendiri disamping membantu orang lain menjalani hidup mereka secara aman.

### **Tujuan Kami**

Tujuan kami menerbitkan buku ini bukan untuk menggalakkan orang lain memeluk agama kami tetapi bagi menerangkan kepada mereka cara untuk mencari keamanan dan kebahagiaan serta mengamalkan agama mereka berdasarkan keyakinan sendiri tanpa bergantung kepada kepercayaan membuta tuli. Kami menggalakkan setiap orang untuk mengamalkan agamanya sendiri dengan betul jika dia dapat mencari kebenaran, keamanan, kebahagiaan, kearifan dan kebebasan di dalamnya. Apa yang dihasratkan oleh kami



ialah supaya manusia dapat mengamalkan kehidupan beragama yang wajar dihormati tanpa menggadaikan maruah diri.

Walau bagaimanapun, agama ini dapat membekalkan jawapan kepada banyak daripada masalah sesama agama, persoalan yang tidak terjawab oleh agama lain serta isu - isu kerohanian dan kemanusiaan. Agama ini dapat memberi petunjuk baru kepada pemikiran anda berkaitan perkara - perkara beragama dan falsafah. Agama ini juga dapat membantu anda memahami cara hidup dan warisan kebudayaan di Asia. Anda mungkin dapat mencari bimbingan rohani selaras dengan kehendak dunia moden melalui agama ini.

Agama ini telah membawa kepada dunia ini satu jiwa baru, satu harapan baru, satu jalan baru yang penuh dengan kebenaran. Keperluannya dapat dirasai dan dilihat di masa kini sama seperti di zaman dahulu.

Apa jua tujuan anda, kami menjemput anda untuk meneliti lebih rapat lagi agama ini serta cita-cita unggul pengasasnya. Kami sedia membantu anda. Organisasi kami akan membimbing anda untuk rujukan anda serta

membantu anda memperoleh bahan-bahan bacaan yang boleh dipercayai.

Agama mulia yang dirujuk di dalam buku ini merupakan Agama Buddha dan pengasas agama ini adalah “GAUTAMA BUDDHA”.

**AMALKAN SIKAP BERKECUALI, JAUHKAN DIRI DARIPADA PRASANGKA AGAMA, BERUSAHALAH UNTUK MENCARI KEBENARAN.**

## SERVICES AVAILABLE AT THE BUDDHIST MAHA VIHARA

- Booking for Dana (Alms Giving) and Bana (Sermons)
- Blessing Services / Funeral Services by Monks
- Booking of Facilities for religious functions / events
- Marriage Registration
- Full Moon / New Moon Day Puja & Free Vegetarian Lunch
- Sunday Dhamma Classes for Children & Adults
- Buddhist & Pali University Courses
- K Sri Dhammananda Library
- Bookshop
- Kindergarten - Tadika Sudharma
- PARAMA Business & I.T. Training Centre

### WEEKLY ACTIVITIES

- |                                        |                   |                      |
|----------------------------------------|-------------------|----------------------|
| • Daily Puja                           |                   | 6.30 a.m. & 7.30p.m. |
| • Choir Practice                       | Tuesday           | 8.00p.m.             |
| • Special Talk                         | Friday            | 1.00p.m.             |
| • Dhamma Talk                          | Friday            | 8.00p.m.             |
| • Meditation                           | Mon, Tues & Thurs | 8.00p.m.             |
| • Bojjhanga Puja                       | Saturday          | 7.30p.m. - 8.30p.m.  |
| • Puja & Talk                          | Sunday            | 8.30a.m.             |
| • Dhamma School                        | Sunday            | 8.30a.m. & 11.00a.m. |
| • Dharma for the Deaf<br>(fortnightly) | Sunday            | 2.00p.m.             |

### DONATION IN CASH OR KIND CAN BE MADE FOR:

- Propagation of Buddhism (Dhammaduta)
- Free Publications (Malaysia and Overseas) - Annually about 300,000 books in 19 Languages
- Education Fund
- Project Buddhio Africa
- Full Moon and New Moon services sponsorship
- General Maintenance of the Buddhist Maha Vihara
- Utilities (Electricity, water, telephone, administration etc)
- Illumination (lighting) of the Main Shrine Hall
- Illumination (lighting) of the Awkana Buddha & Cakra
- Monks' Dana
- Monks' Requisites
- Welfare Fund (Malaysia and Overseas)
- Special Religious Events
  - Wesak
  - Annual Blessing Service
  - Annual Merit Offering
  - Kathina Pinkama (ceremony)
  - Monks' Novitiate Programme

**MAY THE BLESSINGS OF THE NOBLE TRIPLE GEM  
BE WITH YOU AND YOUR FAMILY**

# DONATION FORM

## **Buddhist Maha Vihara**

123, Jalan Berhala, Brickfields,

50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia.

Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570

I / We would like to make a donation to the Buddhist Maha Vihara.

Name : .....

Address : .....

.....  
.....

Amount : RM .....

Towards : Free Publications

(English, Mandarin, Malay, Tamil, Sinhalese, Spanish,  
Thai, Vietnamese, Burmese, Hindi, Kannada, Telegu,  
Oriya, Kishwahili, Chichewa, Luganda, Brazilian  
Portugese, Dutch)

Others, please specify .....

.....

All cheques can made payable to: BUDDHIST MAHA VIHARA  
or TT to "BUDDHIST MAHA VIHARA" ACCOUNT NO.  
0061-10-003018-0, EON BANK BERHAD, BRICKFIELDS,  
KL. Kindly send us a copy of your BANK SLIP so that we can  
send you an OFFICIAL RECEIPT.



**Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society**

佛陀教义弘扬协会

Buddhist Maha Vihara,  
123, Jalan Berhala, Brickfields,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570

E-Mail: [info@buddhistmahavihara.com](mailto:info@buddhistmahavihara.com)

Website: [www.buddhistmahavihara.com](http://www.buddhistmahavihara.com)  
[www.ksridhammananda.com](http://www.ksridhammananda.com)